

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B.DATO' HAJI MOHD ZAIM BIN ABU HASAN
(PARIT)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 24.05.2016

Y.B.DATO' HAJI MOHD ZAIM BIN ABU HASAN [PARIT] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah bilangan syarikat di bawah teraju Khazanah Nasional Berhad yang masih belum lagi dapat memulihkan prestasi perniagaan mereka. Namakan syarikat-syarikat tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 31 Disember 2015, Khazanah Nasional Bhd (Khazanah) memegang kepentingan melalui pemilikan saham dalam kira-kira 70 buah syarikat sama ada secara langsung atau tidak langsung. Portfolio pelaburan Khazanah

meliputi pelbagai sektor dan industri strategik serta berkepentingan kepada negara antaranya sektor telekomunikasi, tenaga, perkhidmatan kewangan, penjagaan kesihatan dan hartanah.

Prestasi Khazanah sejak menerima mandat baharu daripada Kerajaan pada tahun 2004 sehingga penghujung 2015 boleh dinilai dari segi peningkatan Nilai Aset Boleh Direalisasi atau *Realisable Asset Value* (RAV) dan Nilai Bersih Dilaraskan atau *Net Worth Adjusted* (NWA) Khazanah.

Sehingga 31 Disember 2015, RAV Khazanah telah meningkat sebanyak RM99.3 bilion iaitu daripada RM50.9 bilion pada 14 Mei 2004 kepada RM150.2 bilion. NWA Khazanah juga telah meningkat sebanyak RM75.7 bilion iaitu daripada RM33.3 bilion kepada RM109.0 bilion dalam tempoh yang sama. Antara sektor penyumbang utama kepada peningkatan NWA Khazanah adalah sektor telekomunikasi sebanyak RM24.0 bilion, penjagaan kesihatan (RM18.7 bilion), tenaga (RM17.5 bilion), infrastruktur dan pembinaan (RM13.5 bilion), perkhidmatan kewangan (RM4.5 bilion) dan Ali Baba (RM3.8 bilion).

Secara keseluruhan, syarikat-syarikat yang dimiliki oleh Khazanah mencatatkan prestasi yang baik. Namun begitu, terdapat

juga syarikat khususnya yang beroperasi dalam sektor dan industri yang mencabar serta terdedah kepada pelbagai faktor luaran yang telah menjejaskan prestasi syarikat, antaranya seperti berikut:

- i. Malaysia Airlines Bhd (sektor penerbangan / pengangkutan);
- ii. Silterra Malaysia Sdn Bhd (sektor teknologi); dan
- iii. Malaysian Agrifood Corporation Bhd, Blue Archipelago Bhd dan Biotropics Malaysia Bhd (sektor agri-makanan).

Khazanah sedang giat melaksanakan pelbagai usaha bagi memastikan operasi syarikat-syarikat tersebut diperkukuhkan dan seterusnya berada pada landasan pertumbuhan yang mampan bagi menjamin prestasi yang lebih baik pada masa hadapan.